

1. Dalam iklan di bawah, terdapat kesalahan-kesalahan ejaan. Kenal pasti tiga kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin iklan itu semula.

Tip Menjawab

- ▶ Baca dan teliti setiap perkataan dalam iklan.
- ▶ Kenal pasti ejaan yang salah dan buat pembedaan.

Pertandingan Masakan Sempurna Karnival Seni dan Budaya

Tarikh : 24 Ogos 2024 (Sabtu)

Masa : 9:00 pagi

Tempat : Dataran Merdeka, Kuala Lumpur

*Hadiah menarik
menanti pemenang!*

Syarat-syarat pertandingan:

1. Penyertaan secara berkumpulan.
 - Terdiri daripada dua orang dalam satu kumpulan, iaitu ibu atau bapa dengan anak.
2. Peserta perlu menyediakan juadah tradisyen.
3. Setiap kumpulan perlu menyediakan hidangan utama dan pencuci mulut.
4. Para peserta perlu membawa bahan masakan sendiri.
5. Penyertaan adalah perorangan.
6. Daftar penyertaan sebelum 19 Ogos 2024.

(i) _____ (iii) _____

(ii) _____

2. Baca bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Silat adalah suatu seni bela diri dari Malaysia. Pada 18 September 2015, Perdana Menteri Malaysia telah mengisytiharkan seni silat sebagai Seni Mempertahankan Diri Rasmi Negara semasa Himpunan Silat Pesaka Merdeka 2015 di Dataran Merdeka. Silat juga telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai warisan budaya milik Malaysia. Pergerakan silat terbahagi kepada bunga yang sesetengah perguruan menganggapnya sebagai pergerakan seolah-olah tarian, tetapi sebenarnya adalah langkah untuk memusatkan tenaga atau mengumpul tenaga atas tubuh badan seorang pesilat dan buah (pukulan atau buah pukul). Bunga silat mempunyai seribu satu muslihat. Selain kelihatan mengelirukan, bunga juga digunakan untuk memberikan masa dan ruang kepada pihak lawan untuk menghulurkan salam perdamaian, menyembunyikan buah dan sudut serangan, dan mengacah serta mengumpun lawan. Silat juga terkenal sebagai sistem pertahanan diri yang banyak menggunakan kunci, sama ada kunci urat saraf atau anggota tubuh. Istilah 'kunci mati' adalah sinonim dengan silat. Pada masa kini, silat masih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat, khususnya golongan remaja.

(Dipetik dan diubah suai daripada <https://ms.wikipedia.org/wiki/Silat>)

Bahan 2

Tae Kwan Do

- Seni bela diri Tae Kwan Do agak popular di Malaysia.
- Tae Kwan Do merupakan seni mempertahankan diri moden yang berasal dari Korea.
- Tae Kwan Do mempunyai beberapa warna tali pinggang seperti putih, kuning, hijau, biru, merah, coklat, dan hitam yang menunjukkan peringkat atau pangkat seseorang pengamal seni bela diri tersebut.



- (a) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan persamaan dan perbezaan antara silat dengan Tae Kwan Do.

- (b) Berdasarkan Bahan 1, nyatakan **dua** pergerakan silat.

- (c) Seni mempertahankan diri amat penting untuk dipelajari.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan mempelajari seni mempertahankan diri?

KBAT Menilai **HEBAT MODUL 8**

3. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di **Tingkatan 3**.

- (i) *Chot* karya Azizi Bin Haji Abdullah
- (ii) *Hempasan Ombak* karya Zailiani Taslim
- (iii) *Justeru Impian di Jaring* karya Zaid Akhtar
- (iv) *Tawanan Komander Caucasus* karya Ruzaini Yahya

Setiap karya yang dihasilkan oleh pengarang sarat dengan pengajaran yang bertujuan untuk mendidik pembaca.

Berdasarkan sebuah novel di atas, nyatakan **tiga** pengajaran yang terdapat dalam novel tersebut berserta dengan contoh peristiwa yang sesuai.